



**PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU
PENDIDIKAN MORAL DALAM MELAKSANAKAN
AKTIVITI LUAR BILIK DARJAH DI SEKOLAH
MENENGAH NEGERI PAHANG**



SIVA SANGGITA A/P MUNANDY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2026



**PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU PENDIDIKAN MORAL DALAM
MELAKSANAKAN AKTIVITI LUAR BILIK DARJAH DI SEKOLAH
MENENGAH NEGERI PAHANG**

SIVA SANGGITA A/P MUNANDY

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2026

UPSI/PS-3/BO 1/2
Print : 00 m/s 1/1UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (v)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

7

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 10 (hari bulan) Mac (bulan) 2026

i. Perakuan pelajar :

Saya, Siva Sanggita A/P Munandy, M20231000564, Fakulti Sains Kemanusiaan (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Pengetahuan dan Kemahiran Guru Pendidikan Moral dalam Melaksanakan Aktiviti Luar Bilik Darjah di Sekolah Menengah Negeri Pahang

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Marshelayanti binti Mohamad Razali [NAMA PENYELIA] dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pengetahuan dan Kemahiran Guru Pendidikan Moral dalam Melaksanakan Aktiviti Luar Bilik Darjah di Sekolah Menengah Negeri Pahang

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera _____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

10/03/2026

Tarikh

DR. MARSHELAYANTI MOHAMAD RAZALI
Pendekatan Kognitif
Jabatan Pengajian Moral, Sivik dan
Pembangunan Karakter
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



UPS/IPS-03/BO31
Pind 02 m/s 1/1

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: Pengetahuan dan Kemahiran Guru Pendidikan Moral dalam Melaksanakan Aktiviti
Luar Bilik Darjah di Sekolah Menengah Negeri Pahang

No. Matrik / Matric's No.: M20231000564

Saya / I am: Siva Sanggita A/P Munandy

(Nama Pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below: -

/	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian. I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online
	*TERHAD *LIMITED	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan. (Perpustakaan akan membatasi akses sehingga _____ tahun) (Library will restrict access until _____ years)
	*SULIT *CONFIDENTIAL	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rahm 1972. Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972
	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut: The Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:

*Nota / *Notes:

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented
- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai TERHAD atau SULIT / If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as CONFIDENTIAL or LIMITED, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as LIMITED or CONFIDENTIAL

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 10/03/2026

DR. MARSHAYANTI MOHAMAD RAZALI

(Tandatangan Penyelia/ Signature of Supervisor)
& (Nama & Copi Rasm Nama & Official Stamp)Fakulti Sains Keselamatan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh: 10/03/2026



PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuhan Yang Maha Esa yang telah memberikan saya kekuatan, kebijaksanaan, dan petunjuk dalam menjalankan kajian ini. Dengan rahmat-Nya, saya mampu menghadapi segala cabaran dan menyelesaikan kajian ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Dr. Marshelayanti Binti Mohamad Razali selaku penyelia saya yang tidak jemu membimbing, memberi semangat untuk saya menyiapkan disertasi ini. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah UPSI dari Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) yang telah mencurahkan ilmu kepada saya dan penilai-penilai tesis ini kerana sudi membaca dan menilai penulisan ini. Mohon maaf atas segala kekurangan sepanjang penulisan disertasi ini. Teguran membina dan nasihat yang berguna amat diperlukan untuk penambahbaikan pada masa akan datang. Terima kasih juga kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberi sokongan dan pembiayaan pengajian saya di bawah Program Hadiah Latihan Perkhidmatan Tidak lupa, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga saya, terutama suami Jaya Brabu a/l Balasubramaniam atas sokongan, kasih sayang, dan pengorbanan yang tiada henti sepanjang tempoh penyelidikan ini. Buat anakanda tersayang Haarshan a/l Jaya Brabu dan Aarshinni a/p Jaya Brabu yang memahami kesibukan sepanjang pengajian ini. Untuk ibu Pn Malikka a/p Malayan dan ayah En Munandy a/l Krishnasamy yang sentiasa bagi sokongan dan doa. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada adik beradik saya, rakan-rakan dan pihak yang telah memberikan sokongan moral dan praktikal dalam merealisasikan kajian ini.





ABSTRAK

Aktiviti Luar Bilik Darjah (ALBD) dalam Pendidikan Moral diperkenalkan kepada murid pada tahun 2017 dengan tujuan untuk membantu mereka menguasai dimensi moral yang merangkumi tiga dimensi utama, iaitu penaakulan moral, emosi moral, dan perlakuan moral. Namun, tahap kesediaan guru dalam memperkukuh pengetahuan dan kemahiran mereka dalam melaksanakan ALBD masih menjadi persoalan. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru dalam pelaksanaan ALBD dalam Pendidikan Moral di sekolah menengah di negeri Pahang. Selain itu, kajian ini turut mengkaji hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru serta menganalisis tahap pelaksanaan ALBD berdasarkan opsyen guru. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan. Seramai 168 orang guru Pendidikan Moral dari sekolah menengah di negeri Pahang telah dipilih sebagai responden kajian. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS melalui analisis deskriptif, analisis korelasi, dan ujian-t. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan ($\text{min} = 4.14$) dan tahap kemahiran ($\text{min} = 4.11$) guru terhadap pelaksanaan ALBD adalah pada tahap yang tinggi. Namun begitu, analisis korelasi menunjukkan hubungan yang lemah antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru dengan pekali korelasi $r = 0.092$. Analisis Ujian T Sampel Bebas mendapati perbezaan antara guru opsyen dan bukan opsyen adalah signifikan secara statistik pada aras signifikan 0.05, menunjukkan opsyen guru mempengaruhi keupayaan pelaksanaan ALBD. Dapatan kajian merumuskan bahawa pengetahuan semata-mata tidak memadai untuk menjamin pelaksanaan ALBD yang berkesan dalam Pendidikan Moral. Guru perlu memiliki kemahiran yang mencukupi untuk mempelbagaikan aktiviti bersesuaian bagi memastikan pelaksanaan ALBD dapat mencapai objektif pembelajaran. Kajian ini turut mendapati bahawa guru opsyen Pendidikan Moral menunjukkan tahap pelaksanaan ALBD yang lebih tinggi berbanding guru bukan opsyen, berdasarkan perbezaan yang signifikan dari segi tahap pengetahuan ($\text{min} = 4.10$ berbanding $\text{min} = 3.85$; $t = 4.33$, $p < 0.001$) dan tahap kemahiran ($\text{min} = 4.05$ berbanding $\text{min} = 3.75$; $t = 1.97$, $p < 0.05$). Penemuan ini memberikan implikasi penting terhadap keperluan latihan dan pembangunan profesional guru, khususnya dalam mempertingkatkan kemahiran pedagogi berkaitan ALBD. Oleh itu, kajian mencadangkan agar latihan khusus dan berfokus diberikan kepada guru bukan opsyen bagi memperkukuh keupayaan mereka dalam melaksanakan ALBD secara berkesan.





KNOWLEDGE AND SKILLS OF MORAL EDUCATION TEACHERS IN IMPLEMENTING OUTDOOR CLASSROOM ACTIVITIES IN SECONDARY SCHOOLS.

ABSTRACT

The implementation of Outdoor Classroom Activities (ALBD) in Moral Education was introduced in 2017 with the aim of fostering students' mastery of moral dimensions, encompassing moral reasoning, moral emotions, and moral behavior. Despite this initiative, the extent of teachers' preparedness in terms of knowledge and skills to effectively implement ALBD remains uncertain. Therefore, the primary objective of this study was to determine the levels of knowledge and skills among Moral Education teachers in implementing ALBD in secondary schools across the state of Pahang. In addition, the study investigated the relationship between teachers' knowledge and skills in ALBD and examined differences in ALBD implementation based on teaching specialization. A quantitative research approach using a survey design was employed. A total of 168 Moral Education teachers from secondary schools in Pahang participated as respondents. Data were analyzed using SPSS software, involving descriptive statistics, Pearson correlation analysis, and independent samples t-tests. The findings revealed that teachers possessed a high level of knowledge ($M = 4.14$) and skills ($M = 4.11$) related to ALBD implementation. However, the Pearson correlation analysis indicated a weak and statistically non-significant relationship between teachers' knowledge and skills ($r = 0.092$, $p > 0.05$). Further analysis using an independent samples t-test revealed statistically significant differences between subject-specialist and non-subject specialist teachers in terms of both knowledge and skills related to ALBD implementation. Subject-specialist Moral Education teachers demonstrated significantly higher levels of knowledge ($M = 4.10$) compared to non-subject specialist teachers ($M = 3.85$), $t = 4.33$, $p < 0.001$. Similarly, subject-specialist teachers reported higher skill levels ($M = 4.05$) than non-subject specialist teachers ($M = 3.75$), with the difference being statistically significant, $t = 1.97$, $p < 0.05$. In conclusion, the study highlights that knowledge alone is insufficient to ensure the effective implementation of ALBD in Moral Education. Teachers must also possess adequate pedagogical skills to design and implement appropriate outdoor activities that align with moral learning objectives. The findings underscore the importance of continuous professional development, particularly for non-subject specialist teachers, and recommend targeted and focused training programs to enhance their competencies in implementing ALBD effectively.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYEREBHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang kajian	7
1.3 Penyataan Masalah	18
1.4 Objektif Kajian	21
1.5 Persoalan Kajian	21
1.6 Hipotesis Kajian	22
1.6.1 Hipotesis null	23
1.6.2 Hipotesis Alternatif	23



1.7	Skop kajian	24
1.8	Kepentingan Kajian	25
1.8.1	Masyarakat	25
1.8.2	Kementerian Pendidikan Malaysia	26
1.8.3	Pihak Sekolah dan guru	27
1.9	Definisi Istilah	28
1.9.1	Aktiviti luar bilik darjah	28
1.9.2	Pengetahuan	29
1.9.3	Kemahiran	30
1.9.4	Guru opsyen dan bukan opsyen	31
1.9.5	Kompetensi	32
1.10	Organisasi bab	33

1.11	Rumusan	34
------	---------	----

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	36
2.2	Kajian Lepas	37
2.2.1	Aktiviti Luar Bilik Darjah	37
2.2.1.1	Kajian Aktiviti Luar Bilik Darjah di Luar Negara	37
2.2.1.2	Kajian Aktiviti Luar Bilik Darjah di Dalam Negara	48
2.2.2	Kompetensi Guru	57
2.2.3	Peranan Guru Pendidikan Moral	69
2.2.4	Kelompondan kajian	75
2.3	Teori Kompetensi	77
2.3.1	Spencer dan Spencer (1993)	78

2.3.2	Model Iceberg (1996)	79
-------	----------------------	----

2.3.3	Kerangka Teorikal Kajian	83
-------	--------------------------	----

2.4	Rumusan	88
-----	---------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	90
-----	------------	----

3.2	Pendekatan	91
-----	------------	----

3.3	Reka bentuk kajian	92
-----	--------------------	----

3.4	Instrumen Kajian	93
-----	------------------	----

3.4.1	Borang Soal Selidik	93
-------	---------------------	----

3.5	Populasi kajian	103
-----	-----------------	-----

3.6	Pensampelan	105
-----	-------------	-----

3.7	Kesahan Instrumen	107
-----	-------------------	-----

3.7.1	Kesahan muka	108
-------	--------------	-----

3.7.2	Kesahan Kandungan	108
-------	-------------------	-----

3.8	Kajian Rintis	112
-----	---------------	-----

3.9	Pengumpulan data	115
-----	------------------	-----

3.10	Analisis Data	116
------	---------------	-----

3.11	Rumusan	120
------	---------	-----

BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	121
-----	------------	-----

4.2	Profil responden	122
-----	------------------	-----

4.2.1	Jantina responden	122
-------	-------------------	-----

4.2.2	Tempoh berkhidmat	123
-------	-------------------	-----

4.2.3	Pengalaman mengajar Pendidikan Moral	125
-------	--------------------------------------	-----

4.2.4	Kaum	126
-------	------	-----

4.2.5	Opsyen Guru	127
4.2.6	Daerah berkhidmat	128
4.3	Pengetahuan ALBD dalam kalangan guru Pendidikan Moral di sekolah menengah	130
4.4	Tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan ALBD dalam mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah	143
4.5	Kemahiran ALBD dalam kalangan guru Pendidikan Moral di sekolah menengah	149
4.6	Tahap kemahiran guru dalam melaksanakan ALBD dalam mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah negeri Pahang	162
4.7	Hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran terhadap pelaksanaan ALBD oleh guru bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah	166
4.8	Perbezaan Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Berdasarkan Opsyen Guru	169
4.9	Kekerapan Pelaksanaan ALBD	171
4.10	Rumusan	173

BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	174
5.2	Rumusan kajian	175
5.3	Perbincangan hasil dapatan kajian	176
5.3.1	Tahap pengetahuan guru dalam ALBD bagi mata pelajaran Pendidikan Moral	177
5.3.2	Tahap kemahiran guru dalam ALBD bagi mata pelajaran Pendidikan Moral	180
5.3.3	Hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran dalam melaksanakan ALBD oleh guru Pendidikan Moral	183
5.3.4	Perbezaan pelaksanaan ALBD berdasarkan faktor opsyen bagi mata pelajaran Pendidikan Moral di Sekolah Menengah	187



5.4	Rumusan Hipotesis	191
5.5	Implikasi Kajian	194
5.5.1	Implikasi Teori	194
5.5.2	Implikasi Praktikal	196
5.6	Sumbangan kajian	198
5.7	Cadangan kajian	200
5.8	Rumusan	201
	RUJUKAN	202
	LAMPIRAN	220





SENARAI JADUAL

No Jadual

Muka Surat

3.1	Bahagian – bahagian yang terdapat dalam borang soal Selidik	94
3.2	Profil Responden	94
3.3	Skala Likert dan Jawapan	96
3.4	Asas pembinaan item soal selidik bahagian B	97
3.5	Item yang digunakan untuk mengukur tahap pengetahuan guru dalam ALBD	98
3.6	Asas pembinaan item soal selidik bahagian C	99
3.7	Item – item bagi mengukur tahap kemahiran	101
3.8	Item bagi mengukur pelaksanaan ALBD	102
3.9	Statistik guru Pendidikan Moral di Sekolah Menengah negeri Pahang mengikut daerah	104
3.10	Maklum balas Pakar Terhadap Kesahan Instrumen dan Tindakan Pengkaji	110
3.11	Skala indeks kebolehppercayaan	114
3.12	Ringkasan Alpha Cronbach kajian rintis mengikut konstruk	114
3.13	Proses mendapat kebenaran daripada pelbagai pihak	116
3.14	Tahap Penilaian Berdasarkan Min	117
3.15	Analisis data bagi objektif kajian 1 dan 2	118
3.16	Aras Kekuatan Nilai Pekali	119
3.17	Analisis data bagi objektif kajian 3 dan 4	119



4.1	Bilangan dan peratus responden mengikut jantina	123
4.2	Bilangan responden mengikut tempoh berkhidmat	124
4.3	Pengalaman mengajar responden berdasarkan bilangan dan peratus	125
4.4	Bilangan dan peratus responden mengikut kaum	127
4.5	Opsyen Guru berdasarkan dapatan	128
4.6	Responden mengikut daerah di negeri Pahang	130
4.7	Kekerapan dan peratus pengetahuan guru	142
4.8	Tahap Pengetahuan Guru dalam ALBD	148
4.9	Kekerapan dan peratus kemahiran guru	161
4.10	Skor min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam bahagian C	166
4.11	Kekuatan nilai pekali korelasi	167
4.12	Hubungan antara tahap pengetahuan dan kemahiran guru	167
4.13	Perbezaan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran berdasarkan opsyen guru	170
4.14	Kekerapan pelaksanaan dan mendokumentasikan ALBD	172
5.1	Pengujian terhadap hipotesis kajian	194



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

2.1.	Model Kompetensi Icerberg	81
2.2.	Kerangka Teori Kompetensi (Spencer & Spencer, 1993)	84
2.3	Kerangka Kajian	88
3.1	Jadual penentuan sampel berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970)	107
4.1	Data bagi pernyataan B1	131
4.2	Data bagi pernyataan B2	132
4.3	Data bagi pernyataan B3	133
4.4	Data bagi pernyataan B4	134
4.5	Data bagi pernyataan B5	135
4.6	Data bagi pernyataan B6	136
4.7	Data bagi pernyataan B7	137
4.8	Data bagi pernyataan B8	138
4.9	Data bagi pernyataan B9	139
4.10	Data bagi pernyataan B10	140
4.11	Data bagi pernyataan C1	150
4.12	Data bagi pernyataan C2	151
4.13	Data bagi pernyataan C3	152
4.14	Data bagi pernyataan C4	153
4.15	Data bagi pernyataan C5	154



4.16	Data bagi pernyataan C6	155
4.17	Data bagi pernyataan C7	156
4.18	Data bagi pernyataan C8	157
4.19	Data bagi pernyataan C9	158
4.20	Data bagi pernyataan C10	159
4.21	Graf scatter menunjukkan hubungan lemah antara pengetahuan dan kemahiran.	168
4.22	Perbandingan antara min pengetahuan dan kemahiran berdasarkan opsyen guru	171



SENARAI SINGKATAN

ALBD	Aktiviti Luar Bilik Darjah
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
CVR	Content Validity Ratio
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PBP	Pembelajaran Berasaskan Projek
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pengajaran dan pemudahcaraan
PLBD	Pembelajaran Luar Bilik Darjah
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SGM	Standart Guru Malaysia
SPI	Surat Pekeliling Ikhtisas
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TALIS	Teaching and Learning International Survey





SENARAI LAMPIRAN

- A Bilangan dan sekolah yang terlibat dalam kajian
- B Surat kebenaran kajian
- C Jadual Spesifikasi Instrumen
- D Borang Soal Selidik





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1

Pengenalan



‘Education is not the learning of facts but the training of the mind to think’ - Albert Einstein-.

Pendidikan mempunyai pelbagai maksud. Albert Einstein mendefinisikan pendidikan sebagai apa yang tinggal selepas mempelajari sesuatu yang baru. Bagi Aristotle, pendidikan adalah satu proses yang membantu seseorang mencapai kebaikan tertinggi atau ‘eudaimonia’, yang bermaksud kebahagiaan. Beliau juga menegaskan bahawa pendidikan harus melibatkan perkembangan intelektual dan etika seseorang agar mereka dapat menjadi warganegara yang baik. Oleh itu, dapat dilihat bahawa pendidikan bukanlah sesuatu yang baru; pada asalnya, ia diberikan dalam bentuk tidak formal. Istilah pendidikan berasal dari perkataan Latin ‘educare’,





yang bermaksud mendidik dan membela kanak-kanak secara mental dan fizikal (Pannurge, 2007).

Ahli-ahli falsafah pendidikan seperti John Dewey dan Paulo Freire menekankan bahawa tujuan pendidikan adalah untuk menanamkan nilai moral dalam kalangan murid (Marcus & Fritzer, 1999). Oleh itu, pendidikan peringkat awal menekankan aspek mengingat dan menghafal. Ia juga digunakan untuk merangsang dan membentuk kelakuan serta tingkah laku individu. Menurut Kamarudin (2011), pendidikan tidak formal adalah proses pembelajaran yang berlaku tanpa disedari. Pembelajaran tidak formal biasanya tidak dirancang dan tidak berasaskan kepada program pembelajaran tertentu. Sebaliknya, pendidikan tidak formal diperoleh daripada pengalaman dan pendedahan yang diterima secara tidak langsung. Beliau juga menegaskan bahawa pendidikan tidak formal diterima daripada ahli keluarga, rakan-rakan, ustaz atau tok sami, serta anggota masyarakat. Sejarah membuktikan bahawa di Tanah Melayu, pendidikan tidak formal lebih menekankan kepada alam semula jadi (Norazit, 1997). Pembelajaran tidak formal juga merupakan satu proses pembelajaran yang berterusan dan berlaku sepanjang hayat.

Pendidikan ini berlaku sepanjang masa tanpa menetapkan waktu dan tempat tertentu. Semua pengetahuan dan kemahiran diperoleh secara tidak langsung. Alam bukan sahaja merupakan tempat untuk mencari rezeki, tetapi juga dianggap sebagai elemen yang sangat penting. Pada masa itu, kanak-kanak didedahkan kepada pelbagai kemahiran (Kamarudin Hj Husin, 2011).





Apabila masa berlalu, pendidikan juga mengalami perubahan kepada bentuk yang lebih formal dan sistematik. Pendidikan formal adalah proses yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran untuk menyampaikan pengetahuan, kemahiran, tingkah laku, serta aspek-aspek yang lebih mendalam tetapi tidak dapat dilihat. Sistem pendidikan yang berkesan merupakan aspek utama dalam pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara. Menurut Shahabuddin, Rohizani, dan Mohd Zohir Ahmad (2003), pembelajaran formal merujuk kepada pendidikan wajib di peringkat rendah, menengah, dan tinggi yang dikendalikan oleh kerajaan. Mereka juga menegaskan bahawa tempoh 6 tahun di peringkat rendah bertujuan untuk memastikan pelajar mengenali dan memperoleh pengalaman, manakala 5 tahun di peringkat sekolah menengah bertujuan untuk memastikan pelajar memahami dan menguasai pelajaran.



Pembelajaran formal tidak terhad kepada satu bidang sahaja; sebaliknya, ia merangkumi pelbagai mata pelajaran umum yang memberikan pendedahan asas kepada para pelajar. Pendidikan formal melibatkan guru dan tempat khusus untuk menerima pendidikan dalam suasana yang lebih selesa. Selain itu, buku teks disediakan bagi setiap tahun dan berbeza mengikut tahap (Shahabuddin et al., 2003). Sepanjang tempoh pembelajaran ini, murid-murid akan menduduki peperiksaan untuk melayakkan mereka ke peringkat seterusnya.

Maka, dapat diketahui bahawa pendidikan di Malaysia mempunyai hala tuju yang jelas dan spesifik untuk melahirkan individu yang harmonis dan seimbang dari 5 segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani. Ini adalah berdasarkan kepercayaan dan





kepatuhan kepada Tuhan, seperti yang ditekankan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Sistem Pendidikan Malaysia sentiasa melaksanakan perubahan selaras dengan perkembangan semasa bagi melahirkan individu yang beriman, berilmu, berakhlak mulia, berketerampilan, dan sejahtera, seperti yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Malaysia. Pelaksanaan kurikulum sekolah memberi penekanan yang sesuai mengikut kehendak pendidikan masa kini.

Subjek Pendidikan Moral mula diperkenalkan sebagai mata pelajaran teras pada tahun 1983 berikutan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), dan pelaksanaannya selesai sepenuhnya menjelang tahun 1988. Salah satu sebab utama pengenalan subjek ini adalah untuk menangani kemerosotan nilai moral serta peningkatan masalah sosial dalam kalangan remaja. Seterusnya, dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), Pendidikan Moral mula diajar secara berperingkat di peringkat sekolah menengah bermula tahun 1989 (Vishalache, 2010). Matlamat utama Kurikulum Pendidikan Moral adalah untuk melahirkan individu yang berakhlak mulia, bertanggungjawab, berintegriti, serta mampu menyumbang kepada keharmonian dan kestabilan negara dan masyarakat global. Di samping itu, subjek ini berperanan penting sebagai medium dalam memupuk semangat perpaduan dan menjalin hubungan yang harmoni dalam kalangan pelajar sejak dari peringkat awal persekolahan lagi (Nur Munirah, Chua, & Abdul Pabil, 2016).





Di Malaysia, Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran teras yang diwajibkan kepada semua murid yang bukan beragama Islam, termasuk murid berbangsa Cina, India, dan lain-lain etnik. Tujuan pelaksanaan ini adalah untuk memastikan golongan bukan Islam turut menerima pendidikan nilai dan moral yang sistematik dalam sistem persekolahan negara. Selain itu, bermula pada tahun 1993, semua murid bukan Islam di Tingkatan Lima diwajibkan menduduki peperiksaan awam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi mata pelajaran ini sebagai satu bentuk penilaian formal terhadap penguasaan nilai-nilai moral yang telah dipelajari (Basari, 2002; Sumintono, Tahir & Rahman, 2012; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Pendidikan Moral bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan sahsiah individu, malah berperanan penting dalam membentuk masyarakat yang harmoni dan saling menghormati kepelbagaian budaya serta agama di Malaysia.



Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merancang dan meningkatkan transformasi pendidikan melalui pelan jangka panjang. Pelan ini dikenali sebagai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) untuk tahun 2013-2025 (KPM 2013). PPPM 2013-2025, melalui anjakan ketiga, menekankan kepentingan pelaksanaan Aktiviti Luar Bilik Darjah (ALBD) yang pada asalnya disebut pendidikan luar. Aktiviti ini bertujuan membentuk tingkah laku sivik yang positif dalam kalangan pelajar, termasuk meningkatkan penglibatan dalam kerja sukarela, menerima kepelbagaian kaum, agama, dan etnik, serta menghindari amalan negatif seperti rasuah dan jenayah. Selain itu, ALBD juga menggalakkan nilai-nilai seperti amanah dan integriti. Pelbagai aktiviti boleh dirancang dan dilaksanakan oleh guru untuk meningkatkan kepimpinan dan semangat kemasyarakatan pelajar. Dalam mata pelajaran Pendidikan Moral, aktiviti





yang disarankan dalam buku panduan kurikulum termasuk lawatan, gotong-royong di tempat-tempat ibadat, penyediaan buku skrap, aktiviti senamrobik, penanaman anak pokok, dan aktiviti seperti kotak emosi.

Menurut Dewey (1915), pembelajaran yang berpusatkan murid diperlukan untuk melatih mereka dalam membuat keputusan. Beliau juga menyarankan agar aktiviti yang dirancang difokuskan kepada pengalaman murid. Walaupun dalam kajian beliau tidak menyatakan secara langsung tentang ALBD, falsafah pendidikan pengalamannya mempunyai persamaan dengan ALBD. Dewey menegaskan bahawa kestabilan pendidikan terletak pada murid, bukan pada buku teks. Oleh itu, aspek gerak hati, kehidupan, pengalaman, dan aktiviti dalam kelas perlu diambil kira dalam pedagogi pengajaran. Sehubungan itu, pelbagai pendekatan ALBD yang berpusatkan pelajar perlu diusahakan oleh guru. ALBD merupakan satu bentuk pembelajaran yang mampu mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih positif.

Oleh itu, guru perlu lebih bersedia untuk melaksanakan Pengajaran dan Pemudah caraan (PdPc) supaya pendidikan menjadi lebih berkesan. Asas untuk menjadi seorang guru yang berpotensi adalah kompetensi. Kompetensi merujuk kepada keupayaan individu untuk melaksanakan tugas atau fungsi tertentu dengan berkesan, yang mencakupi pengetahuan, kemahiran, dan sikap (Roselena Mansor & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2015). Kompetensi guru melibatkan beberapa aspek penting bagi memastikan keberkesanan proses pendidikan, termasuk pengetahuan, kemahiran, dan sikap profesional. Kelayakan akademik dan pengalaman kerja sedia ada tidak mencukupi untuk meningkatkan kompetensi dalam pendidikan masa kini (Muhammad Haziq Mohd Sharif & Abdul Halim Masnan, 2020). Menurut kajian





oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) dalam Teaching and Learning International Survey (TALIS), profesionalisme guru melibatkan tiga dimensi utama: asas pengetahuan, autonomi dalam membuat keputusan, serta rangkaian rakan sekerja yang menyokong pembangunan profesional mereka. Standard Guru Malaysia (SGM) juga menekankan kepentingan amalan nilai profesionalisme, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP) sebagai panduan untuk guru di Malaysia meningkatkan tahap kompetensi mereka. Kemahiran guru perlu merangkumi pemikiran kritis, keupayaan menyelesaikan masalah, serta penghasilan inovasi dan kreativiti dalam melaksanakan PdP. Oleh itu, KPM telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan kompetensi guru sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan.



Bab 1 ini memberikan penjelasan mengenai latar belakang kajian. Ia membincangkan perkembangan pendidikan luar bilik darjah, diikuti dengan latar belakang aktiviti luar bilik darjah (ALBD) di Malaysia. Selain itu, bab ini juga menerangkan pernyataan masalah, objektif kajian yang ingin dicapai oleh penyelidik, dan persoalan kajian. Skop kajian, kepentingan kajian, serta definisi istilah juga dibincangkan dalam bab ini.

1.2 Latar Belakang kajian

Pelaksanaan pendidikan luar bilik darjah pada asalnya diperkenalkan oleh Kurt Hahn, yang dikenali sebagai Bapa Pendidikan Luar Moden. Beliau memperkenalkan





teknik-teknik pembelajaran yang unik. Menurut Gilberson Ken (2006), tujuan utama pendidikan luar adalah untuk menangani masalah sosial yang berlaku pada masa itu. Enam elemen yang ditekankan oleh beliau termasuk kemerosotan kecergasan fizikal, inisiatif sendiri, daya ingatan dan pemikiran kreatif, kemahiran teknikal, serta perasaan tanggungjawab, disiplin diri dan keprihatinan terhadap masyarakat dan alam sekitar.

Pendidikan luar adalah proses pengajaran dan pembelajaran yang unik dan menarik, menggabungkan elemen seperti kemanusiaan, alam semula jadi, dan risiko untuk mencapai matlamat pendidikan yang maksima. Ia terdiri daripada empat komponen utama: ciri-ciri aktiviti yang unik, pendekatan program luar atau pembelajaran eksperimen, matlamat program dalam subtopik, dan objektif untuk membangunkan potensi pelajar (Neill, J.T., Marsh, H.W. dan Richards, G.E., 2003). Menurut Fort (1981), pendidikan luar melibatkan penggunaan persekitaran semula jadi untuk memperkukuh pengajaran dan pembelajaran kurikulum sedia ada. Ia juga merangkumi perkembangan pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang berkaitan dengan penggunaan masa lapang. Namun, pendidikan luar tidak terhad kepada alam semula jadi; ia juga merangkumi kawasan tertutup (Smith, Carlson, Donaldson et al, 1972). Secara keseluruhan, pendidikan luar terbahagi kepada dua bahagian: pendidikan luar berdasarkan aktiviti dan pendidikan luar berdasarkan psikologi.

Ruijia Liu (2023) menyatakan bahawa pendidikan luar telah diamalkan sejak zaman purba. Aktiviti yang dilakukan melibatkan interaksi dengan alam semula jadi, seperti memburu haiwan dan mencari sumber makanan. Matlamat utama pendidikan luar adalah untuk membina dan mengekalkan keadaan mental, fizikal, dan emosi





yang sihat, serta melahirkan warganegara yang berpengetahuan luas, berdisiplin, dan bersatu padu. Oleh itu, pendidikan luar dapat merangsang perkembangan keyakinan diri dan kesedaran masyarakat.

Justeru, teori gaya pembelajaran yang dikemukakan oleh David A. Kolb (1984) telah digunakan secara meluas sebagai panduan dalam pelaksanaan pendidikan luar sejak awal hingga ke hari ini. Teori ini menekankan bahawa proses pembelajaran adalah satu kitaran dinamik yang melibatkan empat tahap utama yang saling berkait. Empat tahap tersebut ialah: (i) pengalaman konkrit, iaitu pembelajaran yang berlaku melalui penglibatan langsung dalam sesuatu aktiviti atau situasi sebenar; (ii) pemerhatian reflektif, di mana pelajar merenung dan menilai pengalaman yang telah dilalui untuk memahami impaknya; (iii) konseptualisasi abstrak, yang merujuk kepada keupayaan pelajar membina konsep atau teori berdasarkan pemerhatian dan pengalaman mereka; dan (iv) eksperimen aktif, iaitu kebolehan pelajar mengaplikasikan idea atau teori yang telah difahami ke dalam situasi baharu secara praktikal.

Dalam konteks pendidikan luar, pendekatan Kolb ini amat relevan kerana ia memberi penekanan kepada pembelajaran yang bersifat interaktif, berpusatkan pelajar, dan berasaskan pengalaman dunia sebenar. Pendidikan luar menyediakan persekitaran pembelajaran yang tidak terhad kepada bilik darjah semata-mata, sebaliknya membawa pelajar ke alam semula jadi atau ke situasi kehidupan sebenar di mana mereka dapat mengamati, mengalami dan bertindak balas terhadap pelbagai rangsangan secara langsung. Melalui pengalaman konkrit seperti aktiviti lapangan, kerja berkumpulan di luar kelas, atau tugas berkaitan persekitaran, pelajar dapat





membina kefahaman yang lebih mendalam tentang nilai, kemahiran dan konsep yang dipelajari.

Proses ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pembelajaran dari segi kognitif, tetapi juga memberi kesan positif terhadap perkembangan afektif dan sosial pelajar. Dalam erti kata lain, teori Kolb menyokong idea bahawa pelajar akan belajar dengan lebih baik apabila mereka terlibat secara aktif, dibimbing untuk merenung kembali pengalaman mereka, dan dibantu untuk membina serta mengaplikasikan pengetahuan dalam pelbagai konteks. Oleh itu, pendekatan ini sangat sesuai digunakan dalam pendidikan luar, terutamanya dalam subjek seperti Pendidikan Moral, yang menekankan pembentukan nilai, sikap dan tingkah laku positif melalui pengalaman yang bermakna dan autentik.



Murid dapat memahami pembelajaran melalui pendidikan luar dengan lebih mudah kerana mereka mengalami pengalaman tersebut secara langsung. Kejayaan pendidikan luar sangat bergantung kepada kualiti penyeliaan oleh guru. Oleh itu, guru perlu menyelidik dan menilai pengetahuan sedia ada serta kemahiran yang dimiliki oleh murid. Aktiviti yang dijalankan oleh guru juga perlu selari dengan perkembangan kognitif murid (Shahabuddin et al., 2003).

Pendidikan luar bilik darjah di Malaysia memberi keutamaan kepada peningkatan aktiviti kemasyarakatan di kalangan murid. Secara umum, manusia belajar dengan lebih baik apabila mereka memahami makna atau maksud dalam aktiviti pembelajaran. Pembelajaran yang bergantung kepada hafalan dan ingatan mungkin berguna, tetapi ia tidak memberikan manfaat yang sebenar kepada individu.





Maklumat yang disampaikan kepada murid perlu merangsang minat mereka agar proses pembelajaran menjadi lebih berkesan. Ciri-ciri dalaman seperti motivasi, pengetahuan sedia ada, dan gaya pembelajaran membantu murid memahami dan menghubungkan maklumat baharu dengan apa yang telah mereka pelajari sebelumnya. Selain itu, ciri-ciri luaran seperti kaedah pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar, dan suasana bilik darjah juga memainkan peranan penting dalam memastikan maklumat disampaikan dengan lebih efektif.

Pembelajaran melalui pendidikan luar dapat memudahkan murid mewujudkan pembelajaran yang bermakna. Shahabuddin et al. (2003) menyatakan beberapa faktor yang mempengaruhi pembelajaran, antaranya adalah kesediaan. Kesediaan yang dimaksudkan merujuk kepada kesediaan dari segi kognitif, afektif, dan psikomotor. Kesediaan kognitif berkaitan dengan tahap perkembangan mental, yang membolehkan murid merangsang, memahami, menganalisis, dan mengaitkan pembelajaran dengan pengalaman mereka sendiri. Sementara itu, kesediaan afektif merujuk kepada sikap dan minat murid terhadap sesuatu pembelajaran. Akhir sekali, kesediaan psikomotor merujuk kepada kesediaan fizikal untuk menjalani latihan.

Oleh itu, pengetahuan dan kemahiran guru dalam kandungan mata pelajaran adalah sangat penting. Pengetahuan dan kemahiran ini membantu murid membina pembelajaran yang berkesan dan bermakna. Selain itu, penguasaan guru dalam pengajaran menjadi asas bagi murid dalam membentuk pemikiran yang munasabah ketika mengambil sebarang tindakan.





Maka, sebagai langkah memperkuat sistem pendidikan negara, Kurikulum Kebangsaan telah diperkenalkan bagi memastikan perkembangan yang seimbang dan holistik dalam kalangan murid. Kurikulum ini merangkumi dua komponen utama, iaitu kurikulum dan kokurikulum, yang saling melengkapi dalam menyokong pembentukan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Kandungan Kurikulum Kebangsaan meliputi pelbagai aspek seperti pengetahuan, kemahiran, nilai, norma, unsur kebudayaan serta kepercayaan yang berperanan penting dalam pembentukan jati diri murid.

Selain memberi penekanan terhadap pencapaian akademik, kurikulum ini juga berfungsi sebagai medium untuk menyemai dan memperkuat nilai-nilai moral yang murni dalam kalangan pelajar. Usaha ini selaras dengan hasrat untuk melahirkan warganegara yang beretika, bertanggungjawab dan mampu menyumbang secara positif kepada masyarakat serta negara. Secara keseluruhan, Kurikulum Kebangsaan berperanan sebagai kerangka asas pendidikan yang menyeluruh, sejajar dengan peruntukan yang digariskan dalam Akta Pendidikan 1996, yang menekankan pembangunan menyeluruh murid dalam semua aspek kehidupan.

Proses pembinaan kurikulum di Malaysia telah bermula dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983, diikuti dengan pengenalan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun 1989. KBSM kemudiannya digantikan dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang mula dilaksanakan secara berperingkat pada tahun 2017. KSSM telah digubal untuk memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025





dengan tujuan memastikan kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa.

Kurikulum berasaskan standard yang merupakan amalan antarabangsa telah diterapkan dalam KSSM melalui penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang merangkumi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran, dan Standard Prestasi. Pengenalan KBSM telah mengakibatkan penggubalan semula Kurikulum Pendidikan Moral. Semua sekolah yang menawarkan kelas Pendidikan Moral menggunakan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan untuk mata pelajaran tersebut.

Mata pelajaran Pendidikan Moral, baik secara formal mahupun tidak formal, telah wujud di Malaysia sejak zaman penjajahan. Ia diperkenalkan sebagai respons kepada kemerosotan nilai moral dan peningkatan masalah sosial. Proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral adalah satu proses penyebaran ilmu pengetahuan dan kemahiran oleh guru (Suppiah Nachiappan, Barathy Sinnasam, dan Sandra Suffian, 2017). Walaupun tiada mata pelajaran khusus pada ketika itu, nilai-nilai seperti menghormati ibu bapa, kasih sayang, kejujuran, kebenaran, dan keagamaan telah diajar di dalam kelas dan semasa perhimpunan. Menurut Suppiah et al. (2017) selepas kemerdekaan, mata pelajaran Tatarakyat telah dilaksanakan, yang memperkenalkan nilai-nilai murni seperti kebersihan fizikal dan mental, kasih sayang kepada keluarga, dan perpaduan kaum. Pada tahun 1977, mata pelajaran Sivik pula diperkenalkan, yang memberi penekanan kepada nilai-nilai patriotisme, cinta akan negara, dan undang-undang negara.





Pendedahan kepada nilai-nilai semakin diberi penekanan dalam kurikulum sekolah. Pada tahun 1983, matapelajaran Pendidikan Moral KBSR diperkenalkan dengan 12 nilai utama. Kemudian, pada tahun 1989, Kementerian Pelajaran Malaysia merangka sukatan pelajaran Pendidikan Moral yang mengandungi 16 nilai untuk dilaksanakan dalam KBSR dan KBSM. Akhirnya, pada tahun 1993, mata pelajaran Pendidikan Moral diangkat sebagai mata pelajaran penting dan dijadikan sebagai matapelajaran peperiksaan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kini, mata pelajaran Pendidikan Moral menjadi mata pelajaran wajib bagi pelajar bukan Islam di peringkat SPM (Basari, 2002; Sumintono, Tahir & Rahman, 2012; dan KPM, 2017).

Dalam silibus lama KBSM, hanya terdapat 36 nilai yang dibahagikan kepada 7 bidang. Ketika KBSM, ALBD belum diperkenalkan. Namun, silibus baharu dalam KSSM menunjukkan perubahan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Moral untuk murid berumur antara 13 hingga 15 tahun dengan pengenalan ALBD. Silibus ini menetapkan 32 jam untuk proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah daripada keseluruhan 96 jam (KPM, 2017). Perubahan ini bertujuan untuk menekankan kepentingan pembelajaran berasaskan pengalaman yang diperlukan pada masa kini.

Menurut falsafah pengalaman oleh Dewey (1947), pendidikan yang berasaskan pengalaman mendorong individu untuk berfikir tentang situasi yang berlaku dalam kehidupan sebenar serta hubungan antara individu. Walaupun pengalaman tidak mudah meresap ke dalam diri seseorang, dengan bantuan guru, ia dapat dibangunkan melalui penciptaan situasi yang relevan dengan keadaan semasa.





Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa peranan guru dalam pengajaran adalah sangat penting. Guru harus memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam pedagogi. Justeru, ALBD dapat membentuk nilai-nilai moral dalam diri pelajar jika guru menguasai pendekatan ini sepenuhnya. Kepakaran guru dalam teknik dan kaedah yang sesuai dapat membantu pelajar dalam pelbagai situasi. Vishalache (2005a, 2011 & 2013) menyarankan kepentingan pelbagai cara dan teknik dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah.

Pelaksanaan ALBD dalam KSSM merujuk kepada aktiviti pembelajaran yang sesuai dan selaras dengan kehendak Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi mata pelajaran Pendidikan Moral. Aktiviti yang dijalankan di luar waktu pembelajaran dan pengajaran mesti dirancang dan direkodkan dalam Buku Rekod Mengajar, dan ia akan dikira sebagai waktu mengajar (SPI Bil. 9/2016). Ini menunjukkan bahawa aktiviti ini adalah wajib dilaksanakan kerana ia perlu direkodkan.

Selain itu, waktu ini juga dianggap sebagai waktu mengajar bagi guru. Dalam KSSM, peruntukan masa untuk ALBD adalah 32 jam setahun bagi Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Pelbagai aktiviti dirancang dan sering dibincangkan oleh KPM untuk memudahkan guru melaksanakan aktiviti ini mengikut keperluan subtopik. Aktiviti ini juga memberikan peluang kepada pelajar untuk belajar di luar persekitaran tradisional. Pelaksanaan ALBD bertujuan untuk mempraktikkan nilai moral dan akhlak yang mulia kepada murid, dengan menekankan tiga aspek utama yang disarankan dalam FPK, iaitu perkembangan penaaakulan moral, emosi moral, dan perlakuan moral.





Penaakulan moral merujuk kepada keupayaan mental untuk berfikir secara kritis dalam pelbagai situasi, sama ada yang kabur atau berkonflik, bagi mengenal pasti perilaku yang baik atau benar, serta yang jahat atau salah. Keupayaan ini membolehkan individu membuka dan menyelesaikan masalah atau isu moral secara menyeluruh, rasional, dan objektif, berdasarkan prinsip moral. Selain itu, penaakulan moral juga melibatkan kebolehan untuk membuat pertimbangan sendiri tanpa merujuk kepada pandangan orang lain dalam situasi moral (Abdul Rahman dan Chang, 1994). Menurut Colby dan Kohlberg (2011), murid perlu memahami situasi moral untuk mengenal pasti pelbagai pilihan serta kesan daripada pilihan tersebut.

Emosi moral merujuk kepada perasaan yang mencerminkan nilai-nilai seperti simpati, empati, dan keprihatinan, serta motivasi untuk bertindak dengan cara yang betul. Individu yang mempunyai kesedaran emosi moral cenderung untuk menunjukkan sifat mengambil berat dan peduli, yang membawa kepada perasaan gembira apabila mereka melakukan perkara yang betul, dan perasaan bersalah serta penyesalan apabila mereka melakukan kesalahan. Menurut Rahman.A dan Chang, L.H (1994), emosi moral adalah perasaan atau emosi yang tepat dan rasional dalam menghadapi situasi tertentu. Kemahiran untuk mengawal emosi dalam diri sendiri dikenali sebagai emosi moral. Oleh itu, emosi moral memainkan peranan penting dalam pengawalan tingkah laku dan tindakan seseorang individu.

Perlakuan moral adalah hasil daripada penaakulan moral dan emosi moral. Menurut Azrina Jonit (2004), perlakuan moral berkaitan dengan tindakan dan tingkah laku seseorang yang dihasilkan daripada keputusan yang dibuat dengan penuh tanggungjawab melalui penaakulan yang bebas dan rasional. Perlakuan moral





bukan sahaja menetapkan peraturan moral, tetapi juga berfungsi sebagai panduan bagi individu. Oleh itu, setiap individu perlu memiliki pengawalan diri yang baik untuk dapat bertindak secara bermoral.

Secara ringkasnya, ALBD dikategorikan sebagai aspek utama dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Aktiviti luar bilik darjah, seperti lawatan ke rumah kebajikan, gotong-royong, dan kem motivasi, merupakan sebahagian daripada pendekatan pengajaran Pendidikan Moral. Lim dan Kaur (2019) menyatakan bahawa aktiviti luar bilik darjah membantu murid mengaplikasikan nilai-nilai moral dalam situasi kehidupan sebenar, seterusnya memperkukuhkan pembelajaran mereka. ALBD juga berfungsi sebagai landasan bagi murid untuk menerapkan dan memupuk amalan nilai secara langsung dalam mata pelajaran Pendidikan Moral bagi Tingkatan 1, 2, dan 3.



Cadangan ALBD yang digariskan oleh KPM dalam pelaksanaan ALBD merangkumi pembelajaran berasaskan projek, khidmat masyarakat, dan aktiviti lain yang dianggap sesuai selari dengan KSSM (Sumintono, Tahir & Rahman, 2012; KPM, 2016b; dan Daga, 2020). Oleh itu, apabila murid ingin menyelesaikan sesuatu masalah, mereka perlu menghadapi pelbagai cadangan dan cabaran. Dalam proses membuat keputusan, mereka harus memilih cadangan pelan terbaik yang dapat memenuhi matlamat yang ditetapkan. Justeru, kedua-dua proses ini perlu berjalan serentak. Pengetahuan kandungan guru adalah amat penting dalam melaksanakan proses PdPc. Guru tidak boleh mengajar tanpa persiapan awal. Mereka sentiasa perlu mempunyai cadangan dan rancangan untuk mencapai kesan yang maksimum. Menurut Juhri Abdul Muin et al. (2020), guru yang kompeten dalam menangani





masalah murid menunjukkan keberkesanan yang lebih tinggi dalam meningkatkan prestasi pelajar.

1.3 Penyataan Masalah

ALBD bagi mata pelajaran Pendidikan Moral adalah aktiviti yang wajib dilaksanakan oleh guru. Ini jelas dinyatakan dalam sukatan KSSM yang memperuntukkan 32 jam untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Sukatan baharu juga menyatakan bahawa ALBD diambil kira sebagai waktu mengajar dan perlu direkodkan dalam eRPH. Untuk memudahkan pelaksanaan aktiviti ini, KPM menyediakan pelbagai cadangan aktiviti bagi guru. Selain itu, bidang pendidikan sedang mengalami transformasi yang signifikan, khususnya dalam aspek pedagogi (Norliza, 2016). Oleh itu, kesediaan guru memainkan peranan penting dalam menjayakan sistem pendidikan negara yang menekankan keberkesanan PdPc. Guru perlu melakukan inovasi dalam pengajaran dengan mempelbagaikan kaedah pembelajaran yang berpusatkan murid bagi memupuk penghayatan pembelajaran di dalam bilik darjah (Kiamsin & Talin, 2018).

Namun begitu, berdasarkan pemerhatian penyelidik yang berkhidmat sebagai guru Pendidikan Moral, pelaksanaan ALBD ini kurang dilakukan oleh guru-guru dalam bidang tersebut. Penyelidik-penyelidik terdahulu menyatakan bahawa kurangnya pelaksanaan ALBD ini disebabkan oleh kekurangan kemahiran dan keyakinan guru untuk mengintegrasikan elemen ALBD dalam proses pengajaran dan





pembelajaran (Zarina Abd Rashid, 2016; Mohd Nazri, Ramlee Mustapha, 2017 et.al).

Tumpuan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam Pendidikan Moral berkaitan dengan situasi atau isu-isu yang berlaku baik di dalam negara mahupun di luar negara, untuk membantu pelajar menghadapi konflik moral berdasarkan nilai dan prinsip moral yang dipelajari. PdPc akan menjadi lebih berkesan apabila guru mengaitkan peristiwa sebenar dengan kehidupan manusia (Liau et al., 2003). Oleh itu, proses pengajaran Pendidikan Moral bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran guru dalam membina aktiviti.

Selain itu, pemerhatian penyelidik mendapati bahawa guru kurang melaksanakan ALBD kerana Pendidikan Moral bukanlah opsyen mereka. Isu ini sering berlaku apabila guru diarahkan untuk mengajar subjek di luar bidang mereka, termasuk mata pelajaran Pendidikan Moral. Kekurangan guru yang mempunyai opsyen Pendidikan Moral di sekolah menggantikan guru-guru yang bukan dalam bidang tersebut untuk mengajar mata pelajaran ini bagi memenuhi jam pengajaran mereka. Akibatnya, guru-guru ini tidak dapat mengajar secara optimum kerana mereka tidak memiliki kelayakan ikhtisas yang sesuai dengan kepakaran mereka (Chew & Zainizam, 2015). Kajian menunjukkan bahawa guru yang mengajar di luar bidang kelayakan akademik mereka cenderung mengalami penurunan produktiviti disebabkan oleh minat yang rendah, kurang kemahiran, dan tiada kepuasan dalam pekerjaan. Kekurangan pengetahuan dan ketidaksediaan guru yang bukan opsyen menyebabkan pengajaran mereka menjadi kurang mendalam, kurang dihayati, dan tidak diamalkan dengan baik (Vijaya & Vishalache, 2020).





Keberkesanan PdPc bergantung kepada pengetahuan dan kefahaman guru. Berdasarkan pemerhatian, pengajaran Pendidikan Moral di sekolah kebanyakannya dilakukan oleh guru yang tidak mempunyai kelayakan khusus. Terdapat segelintir pihak pentadbiran sekolah yang beranggapan bahawa mata pelajaran Pendidikan Moral tidak penting, dan sebarang guru yang bukan opsyen Pendidikan Moral boleh mengajar mata pelajaran ini. Oleh itu, guru-guru bukan opsyen mengajar Pendidikan Moral hanya untuk memenuhi waktu pengajaran (Abdul Rahman Aroff, 1986).

Selain itu, salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh Pendidikan Moral di Malaysia adalah kekurangan guru yang terlatih dan berpengalaman dalam mengajar mata pelajaran ini. Kajian oleh Hashim et al. (2022) mendapati bahawa kebanyakan guru Pendidikan Moral tidak mempunyai latihan khusus dalam bidang ini, yang merupakan salah satu faktor utama yang menjejaskan keberkesanan pengajaran.

Tambahan pula, guru-guru Pendidikan Moral hanya menekankan PdPc yang berorientasikan peperiksaan. Mereka hanya menyediakan pelajar untuk menjawab soalan peperiksaan tanpa memberi penekanan kepada nilai dan kepentingan penerapan nilai tersebut dalam kehidupan seharian pelajar (See Tho, 2008). Dalam kajian Vishalache (2011), dinyatakan bahawa pembelajaran moral yang berorientasikan peperiksaan melibatkan penyalinan nota dan pengajaran yang bertujuan untuk lulus peperiksaan. Akibatnya, murid-murid sukar membuat keputusan dan mengaplikasikan nilai yang dipelajari apabila berada dalam situasi sebenar.



Justeru, timbul persoalan mengenai pelaksanaan ALBD Pendidikan Moral di sekolah menengah. Apakah tahap pengetahuan dan kemahiran ALBD dalam kalangan guru Pendidikan Moral di sekolah menengah? Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran ALBD di kalangan guru Pendidikan Moral? Selain itu, adakah faktor opsyen mempengaruhi guru dalam melaksanakan ALBD dalam mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah?

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang dibincangkan objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menenal pasti tahap pengetahuan ALBD dalam kalangan guru Pendidikan Moral di sekolah menengah negeri Pahang.
- ii. Menenal pasti tahap kemahiran ALBD dalam kalangan guru Pendidikan Moral di sekolah menengah negeri Pahang.
- iii. Mengkaji hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran pelaksanaan ALBD oleh guru Pendidikan Moral di sekolah menengah negeri Pahang.
- iv. Menganalisis tahap pelaksanaan ALBD oleh guru Pendidikan Moral di sekolah menengah negeri Pahang berdasarkan faktor opsyen.

1.5 Persoalan Kajian

Berikutan dengan objektif kajian di atas, beberapa persoalan kajian telah diwujudkan seperti berikut:



- i. Apakah tahap pengetahuan ALBD dalam kalangan guru Pendidikan Moral di sekolah menengah negeri Pahang?
- ii. Apakah tahap kemahiran ALBD dalam kalangan guru Pendidikan Moral di sekolah menengah negeri Pahang?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran ALBD oleh Pendidikan Moral di sekolah menengah oleh guru negeri Pahang?
- iv. Adakah terdapat perbezaan pelaksanaan ALBD oleh guru Pendidikan Moral di Sekolah Menengah negeri Pahang berdasarkan faktor opsyen?

1.6 Hipotesis Kajian

Menurut Yee Sye Foong (2018), hipotesis kajian adalah satu pernyataan yang menggambarkan hubungan sebab-akibat antara dua atau lebih pemboleh ubah. Ia juga berfungsi sebagai penerangan atau penyelesaian yang mungkin bagi masalah yang dihadapi. Beliau menjelaskan bahawa hipotesis yang baik dan tepat memberikan hala tuju yang jelas dalam kajian. Terdapat dua jenis hipotesis, iaitu hipotesis nul dan hipotesis alternatif. Hipotesis nul menyatakan bahawa tiada hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji atau tiada perbezaan antara kumpulan rawatan eksperimen dan kumpulan kawalan. Sebaliknya, hipotesis alternatif menunjukkan adanya hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji atau perbezaan yang dijangkakan antara rawatan eksperimen. Berdasarkan objektif dan persoalan kajian, hipotesis bagi kajian ini adalah seperti berikut:





1.6.1 Hipotesis null

H₁ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan guru tentang ALBD dalam mata pelajaran Pendidikan Moral bagi guru opsyen dengan guru bukan opsyen.

H₂ Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kemahiran guru tentang ALBD dalam mata pelajaran Pendidikan Moral bagi guru opsyen dengan guru bukan opsyen.

1.6.2 Hipotesis Alternatif



H₁ Terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan guru tentang ALBD dalam mata pelajaran Pendidikan Moral bagi guru opsyen dengan guru bukan opsyen.

H₂ Terdapat perbezaan yang signifikan di antara kemahiran guru tentang ALBD dalam mata pelajaran Pendidikan Moral bagi guru opsyen dengan guru bukan opsyen.





1.7 Skop kajian

Dalam kajian ini, penyelidik hanya menumpukan kepada aspek – aspek berikut:

i. Kompetensi

Kajian ini menumpukan secara khusus kepada dua aspek utama kompetensi guru, iaitu pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan ALBD. Aspek pengetahuan merujuk kepada sejauh mana guru memahami konsep, objektif, dan prosedur pelaksanaan ALBD yang relevan dengan pengajaran Pendidikan Moral. Manakala aspek kemahiran pula melibatkan keupayaan guru untuk merancang, mengorganisasi dan melaksanakan ALBD dengan berkesan dan sesuai mengikut tahap pelajar serta matlamat pembelajaran. Penyelidik juga menilai bagaimana kompetensi ini mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan ALBD dalam meningkatkan pemahaman dan nilai moral pelajar.

ii. Guru Pendidikan Moral

Kajian ini dijalankan ke atas guru – guru Pendidikan Moral. Kajian ini ingin mengkaji opsyen guru Pendidikan Moral dan bukan opsyen Pendidikan Moral dengan tahap pengetahuan guru dan tahap kemahiran guru dalam melaksanakan ALBD bagi mata pelajaran Pendidikan Moral.

iii. Tempat kajian

Pemilihan negeri Pahang sebagai lokasi kajian ini adalah berasaskan beberapa faktor akademik yang relevan dan signifikan. Dari sudut dasar dan inisiatif pendidikan, kerajaan negeri Pahang telah menunjukkan komitmen yang jelas dalam memperkukuh



pelaksanaan ALBD melalui pelbagai program dan strategi. Antaranya ialah pelancaran Program Eco-Schools Pahang yang diperkenalkan oleh Pemangku Raja Pahang pada tahun 2023, selaras dengan Pelan Halatuju Greening Education Partnership (GEP) 2030, yang menyasarkan sekurang-kurangnya 50% institusi pendidikan di negeri ini menjadi sekolah hijau menjelang tahun tersebut. Inisiatif ini menekankan pembelajaran berasaskan projek (PBL) serta penerapan nilai lestari dalam kurikulum, sejajar dengan prinsip ALBD.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai ALBD dalam matapelajaran Pendidikan Moral adalah penting kepada pihak-pihak berikut:

1.8.1 Masyarakat

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2007), masyarakat merujuk kepada sekumpulan orang yang tinggal bersama di suatu tempat dengan cara dan peraturan tertentu. Mewujudkan masyarakat yang harmoni bukanlah satu tugas yang mudah, tetapi ia juga tidak mustahil. ALBD berpotensi untuk membentuk pelajar yang sentiasa membantu, menghormati, dan bekerjasama dalam kehidupan bermasyarakat. Melalui aktiviti-aktiviti yang diberikan, ALBD dapat melahirkan pelajar yang mempunyai tahap kepimpinan yang tinggi dan bertanggungjawab. Dengan sifat-sifat ini, pelajar dapat membentuk masyarakat yang harmoni dan aman. Pelaksanaan ALBD oleh guru



dalam pembelajaran Pendidikan Moral memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Guru sebagai pemudah cara, dengan merancang dan melaksanakan aktiviti luar bilik darjah yang melibatkan kerjasama, komunikasi, dan penyelesaian masalah, dapat memperkukuhkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar. Selain itu, guru dapat menyediakan persekitaran yang selamat dan menyokong bagi aktiviti-aktiviti ini, yang membolehkan pelajar mengalami pembelajaran secara langsung dan mengaplikasikan nilai-nilai moral dalam situasi kehidupan sebenar. Dengan ini, ALBD bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran pelajar, tetapi juga memberi impak positif dalam pembentukan masyarakat yang lebih harmonis dan bertanggungjawab.



1.8.2 Kementerian Pendidikan Malaysia

Aktiviti di luar bilik darjah sangat penting dalam mata pelajaran Pendidikan Moral kerana ia memberi peluang kepada pelajar untuk belajar melalui pengalaman yang lebih mendalam dan berkesan berbanding pengajaran di dalam bilik darjah tradisional. Dillon et al. (2006) menyatakan bahawa pembelajaran di luar bilik darjah dapat meningkatkan perkembangan kognitif dan emosi pelajar, yang sangat relevan dalam mendalami nilai moral. Pelaksanaan ALBD oleh guru melibatkan perancangan yang teliti dan penyediaan persekitaran luar yang kondusif bagi aktiviti yang melibatkan pembelajaran berasaskan pengalaman.





Guru memainkan peranan sebagai pemudah cara, yang membimbing pelajar dalam pelaksanaan aktiviti tersebut. Dengan menggunakan pelbagai teknik pengajaran, seperti kerja berkumpulan, penyelesaian masalah, dan diskusi, guru membantu pelajar untuk mengaitkan teori moral dengan situasi dunia nyata. Dalam ALBD guru bukan sahaja memantau penglibatan pelajar, tetapi juga memberi sokongan emosi dan bimbingan yang diperlukan agar pelajar dapat mengaplikasikan nilai moral dengan cara yang bermakna.

1.8.3 Pihak Sekolah dan guru

Kajian ini akan membantu pihak sekolah melahirkan pelajar yang berdisiplin dan mengurangkan masalah sosial dalam kalangan pelajar. Dengan menerapkan ALBD dalam pengajaran dan pembelajaran, tingkah laku moral akan menjadi kebiasaan dalam kehidupan pelajar.

Selain itu, penyelidik berpendapat bahawa kajian ini penting untuk melihat peranan yang dimainkan oleh guru Pendidikan Moral dalam usaha menerapkan aktiviti luar bilik darjah dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini membolehkan pelajar mempraktikkan amalan dan nilai yang dipelajari dalam mata pelajaran Pendidikan Moral dalam kehidupan seharian, selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bagi tahun 2013-2025 (KPM 2013). Kajian ini juga membantu guru memahami dan mempelbagaikan aktiviti dalam pengajaran serta meningkatkan sahsiah diri dan kemahiran berfikir murid. Selain itu, ia dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Moral dalam pengajaran,





menghasilkan modal insan yang berdisiplin dan inovatif demi memenuhi cabaran Abad Ke-21 agar negara mampu bersaing di persada dunia.

Kajian ini boleh dijadikan rujukan berkaitan ALBD dari segi persepsi dan amalan guru Pendidikan Moral di sekolah menengah di Malaysia. Ia memberikan manfaat kepada para guru Pendidikan Moral, khususnya dalam menerapkan kemahiran aktiviti luar bilik darjah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Akhir sekali, guru juga dapat menilai kompetensi mereka dalam pengajaran dan berusaha untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran mereka, terutamanya semasa melaksanakan ALBD.



1.9 Definisi Istilah

Dalam penyelidikan, istilah atau perkataan yang digunakan mempunyai makna yang berbeza daripada makna biasa dalam perbualan harian (Yee Sye Foong, 2018). Berikut adalah definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini, iaitu aktiviti luar bilik darjah, pengetahuan, kemahiran, dan opsyen guru.

1.9.1 Aktiviti luar bilik darjah

Pendidikan luar merujuk kepada penggunaan sumber di luar bilik darjah untuk meningkatkan pembelajaran pelajar serta menggalakkan tingkah laku pro-alam sekitar, pengetahuan, dan sikap positif terhadap alam sekitar (Cheng, I., Lee, J.,





2015). Pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) melibatkan aktiviti pembelajaran berasaskan projek dan khidmat masyarakat, serta pelbagai aktiviti lain yang sesuai dan selaras dengan kehendak DSKP mata pelajaran Pendidikan Moral (SPI Bil. 9/2016 ms. 24 Peneraju Pendidikan Negara). Aktiviti ini terancang dan berstruktur, berdasarkan pengalaman kontekstual. Ia berpusatkan murid dan bertujuan untuk menyokong serta mengukuhkan pelaksanaan kurikulum sekolah. Selain itu, aktiviti ini juga merangkumi persekitaran pembelajaran yang progresif dan pembelajaran dalam situasi sebenar (S. Azman Ligun, 2017).

Dalam konteks ini, ALBD didefinisikan sebagai aktiviti yang melibatkan khidmat masyarakat dan pembelajaran berasaskan projek bagi menggalakkan tingkah laku yang baik dan pro-alam sekitar.



1.9.2 Pengetahuan

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2007), pengetahuan berasal daripada perkataan "tahu" dan "kenal." Ia didefinisikan sebagai ilmu yang diketahui atau ilmu yang dipelajari. Sementara itu, Mubarak (2011) menyatakan bahawa pengetahuan adalah sesuatu yang diketahui berdasarkan pengalaman individu, dan pengetahuan akan meningkat mengikut proses pengalaman yang dilalui sepanjang hayat. Bloom (1956) pula mendefinisikan pengetahuan sebagai hasil daripada pengalaman manusia.

Menurut Shulman (1987), pengetahuan dibahagikan kepada tujuh bahagian: pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi am, pengetahuan kurikulum,





pengetahuan pedagogi isi kandungan, pengetahuan tentang pelajar dan ciri-ciri pelajar, pengetahuan tentang konteks pendidikan, dan pengetahuan tentang matlamat pendidikan. Pengetahuan pedagogi isi kandungan merujuk kepada kefahaman guru mengenai isi kandungan sesuatu mata pelajaran. Guru perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang isi kandungan yang diajarkan sebelum mengajar pelajar. Ini juga melibatkan pemahaman tentang cara menjadikan mata pelajaran tertentu dapat difahami oleh pelajar. Selain itu, ia adalah keupayaan untuk menyampaikan topik yang dikuasai kepada pelajar agar ilmu yang disampaikan menjadi bermakna dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan mereka.

Oleh itu, penyelidik menyimpulkan bahawa pengetahuan merujuk kepada penguasaan isi kandungan dan kebolehan guru dalam mengajar sesuatu mata pelajaran agar mudah difahami oleh pelajar. Dalam kajian ini, pengetahuan ditakrifkan sebagai penguasaan kandungan dan kemampuan guru dalam melaksanakan ALBD bagi mata pelajaran Pendidikan Moral.

1.9.3 Kemahiran

Kemahiran terdiri daripada set asas, teknikal, pengurusan, dan kepimpinan. Keperluan terhadap set kemahiran ini adalah amat penting dan boleh dianggap kritikal untuk membangunkan kemahiran pengetahuan (Shaharom, 2006). Menurut Kamus Dewan Bahasa (2007), kemahiran diertikan sebagai kecekapan atau kepandaian. Kemahiran ini melibatkan keupayaan yang memerlukan guru untuk peka terhadap pelbagai kemungkinan yang boleh berlaku dalam usaha meningkatkan pencapaian sendiri di





sekolah. Ini memerlukan kepakaran individu, seperti menyesuaikan idea-idea di sekolah dan berinteraksi dengan rakan sekerja serta sistem yang ada di sekolah (Sarimawathy, Jumanie, Asmiaty Amat, et al., 2021). Kemahiran juga merujuk kepada keupayaan praktikal untuk melaksanakan aktiviti luar bilik darjah, termasuk komunikasi, kepimpinan, dan kebolehsuaian (Abdullah Sani Yahaya, 2005). Oleh itu, dalam kajian ini, kemahiran dapat ditakrifkan sebagai kebolehan atau kecekapan guru dalam menggunakan dan memanfaatkan pengetahuan mengenai ALBD Pendidikan Moral.

1.9.4 Guru opsyen dan bukan opsyen

Guru opsyen merujuk kepada opsyen ikhtisas yang dinyatakan melalui sijil ijazah sarjana muda pendidikan, Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO), kursus pertukaran opsyen, atau kursus tambahan opsyen yang diiktiraf oleh KPM. Sebaliknya, opsyen bukan ikhtisas merujuk kepada mata pelajaran tambahan yang diajar oleh guru, sesuai dengan kriteria yang ditetapkan dalam surat pekeliling Ikhtisas (SPI Bil. 5 Tahun 2022) mengenai pelaksanaan penandaan opsyen mata pelajaran guru bagi sekolah di bawah KPM.

Menurut Chan (2002), dalam kajian Siti Salwa (2014), istilah "guru-guru bukan opsyen" merujuk kepada guru-guru yang tidak berasal dari aliran atau bidang Ikhtisas serta tidak mempunyai pengkhususan yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar.





Dalam kajian ini, guru opsyen diklasifikasikan sebagai guru yang mempunyai pilihan ikhtisas, merujuk kepada bidang yang mereka ceburi serta latihan yang diperoleh dalam mata pelajaran Pendidikan Moral yang diajar di sekolah.

1.9.5 Kompetensi

Boyatzis (2008) menyatakan bahawa kompetensi boleh dianggap sebagai sekumpulan keupayaan dan ciri-ciri yang diperlukan untuk mencapai kejayaan dalam sesuatu peranan. Beliau menghubungkan kompetensi dengan prestasi, menegaskan bahawa ia bukan hanya mengenai pengetahuan yang dimiliki seseorang, tetapi juga bagaimana mereka mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam pelbagai situasi. Mulder (2014) mendefinisikan kompetensi sebagai "gabungan pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang dipelajari, yang membolehkan individu untuk berprestasi dalam situasi kerja yang khusus." Menurut beliau, kompetensi merangkumi bukan sahaja kebolehan praktikal tetapi juga aspek peribadi yang penting dalam mencapai hasil kerja yang diinginkan. Konsep kompetensi ditakrifkan sebagai gabungan pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang boleh diukur untuk keberkesanan pendidikan (Klieme et al., 2008).

Kompetensi merujuk kepada gabungan pengetahuan, kemahiran, keupayaan, dan sikap yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dengan berkesan dalam sesuatu jawatan. Dalam konteks pemimpin pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kompetensi ini menjadi panduan utama untuk pembangunan profesional dan prestasi kerja (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024).





Oleh itu, kompetensi dapat disimpulkan sebagai bukan sekadar pengetahuan yang dimiliki, tetapi juga kemampuan untuk mengaplikasikan pengetahuan tersebut dengan berkesan dalam pelbagai situasi. Dengan itu, kompetensi mencerminkan hubungan yang erat antara apa yang diketahui dan cara-cara menggunakan pengetahuan itu untuk menghasilkan prestasi yang cemerlang dalam konteks pekerjaan atau tugas tertentu. Kompetensi dalam kajian ini, hanya merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran.

1.10 Organisasi bab

Kajian ini dibahagikan kepada lima bahagian. Penyelidik telah menyusun organisasi bab untuk menjadikan kajian ini lebih teratur, tersusun, sistematik, dan efisien. Selain itu, kandungan kajian ini merangkumi isi penting dan penjelasan yang berkaitan dengan masalah yang dikaji.

Bab pertama adalah bab pengenalan, yang memberikan gambaran awal tentang kajian ini. Ia merangkumi latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi istilah. Bab kedua pula membincangkan kajian-kajian lepas, dengan fokus pada ALBD di luar negara dan dalam negara. Kajian-kajian tersebut dipilih berdasarkan permasalahan kajian dan hubungannya dengan kajian yang akan dilakukan oleh penyelidik. Dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas, penyelidik dapat memperkukuh pengetahuan dalam ALBD dan merancang kajian yang akan dijalankan. Bab 2 juga menghuraikan teori yang digunakan dalam kajian ini.





Bab tiga merangkumi metodologi kajian, termasuk reka bentuk kajian, populasi dan sampel, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian, dan analisis data. Ia juga menjelaskan kaedah pengumpulan data yang digunakan, iaitu melalui borang soal selidik. Bab seterusnya, iaitu bab keempat, membentangkan dapatan kajian yang membincangkan analisis data untuk menjawab persoalan kajian. Analisis data dalam bab ini merangkumi latar belakang responden, tahap pengetahuan ALBD, tahap kemahiran dalam melaksanakan ALBD, dan hubungan guru opsyen dalam melaksanakan ALBD.

Akhir sekali, bab lima mengandungi perbincangan mengenai kesimpulan yang diperoleh daripada kajian dan analisis dapatan yang dilakukan. Dapatan kajian ini akan dikaitkan dengan kajian-kajian lepas yang dibincangkan dalam bab dua. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan idea-idea baharu yang boleh dikembangkan dalam ALBD, serta implikasi yang timbul daripada kajian ini.

1.11 Rumusan

Dalam bab ini, penyelidik telah membincangkan pengenalan mengenai ALBD, latar belakang pendidikan dan Pendidikan Moral, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini, serta organisasi bab. Pelaksanaan ALBD ditekankan dalam PPPM 2013-2025 bagi membentuk tingkah laku positif dalam kalangan pelajar. Namun, terdapat persoalan mengenai pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan ALBD, khususnya dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Kajian ini melibatkan





guru-guru Pendidikan Moral di sekolah menengah Pahang, dengan tujuan untuk menilai tahap pengetahuan dan pelaksanaan ALBD oleh guru. Bab seterusnya, iaitu Bab 2, akan menerangkan kerangka teori melihat kajian-kajian lepas berkaitan ALBD, kompetensi guru dan guru Pendidikan Moral.

